

14 sekolah dijadikan pusat pemindahan sementara

# Banjir: 449 pelajar terjejas

Oleh **HAMDAN TAWADI**  
pengarang@utusan.com.my

**BATU PAHAT** 6 Nov. - Sebanyak 449 pelajar sekolah rendah dan menengah di seluruh negara menjadi mangsa banjir dengan 22 daripadanya merupakan calon peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).



**MOHD. PUAD ZARKASHI**

Timbalan Menteri Pelajaran, Dr. Mohd. Puad Zarkashi berkata, daripada jumlah pelajar yang mengambil peperiksaan itu, 20 orang daripada mereka merupakan calon SPM manakala dua lagi calon STPM.

"Calon SPM yang paling ramai terlibat banjir adalah di Selangor iaitu seramai 10 pelajar.

"Walau bagaimanapun, tiada sekolah dilanda banjir. Cuma banjir kilat berlaku di sekolah tertentu," katanya selepas menyampaikan sumbangan wang ihsan kepada mangsa banjir di Kampung Sungai Suloh, Senggarang

 Kita harap sekolah yang mudah ditenggelami air mengambil tindakan menyelamatkan dokumen dan peralatan penting dengan meletakkannya di tempat tinggi

**DR. MOHD. PUAD ZARKASHI**  
Timbalan Menteri Pelajaran

yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Suloh, di sini hari ini.

Dalam majlis itu, Mohd. Puad dan Presiden Kelab Putera 1Malaysia (KPLM), Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim turut menyampaikan bantuan wang ihsan dan sumbangan tilam kepada mangsa banjir.

Sementara itu, Mohd. Puad yang juga Ahli Parlimen Batu Pahat berkata, sebanyak 14 sekolah dijadikan pusat pemindahan dengan 11 daripadanya terletak di Johor.

"Di Johor, sebanyak tujuh sekolah dijadikan pusat pemindahan di Batu



**MANGSA banjir gembira menerima sumbangan tilam yang disumbangkan Kelab Putera 1Malaysia di SK Sungai Suloh, Senggarang, Batu Pahat, Johor, semalam. - BERNAMA**

Pahat manakala masing-masing sebuah di Muar, Ledang, Simpang Renggam dan Kluang.

"Negeri lain yang terlibat ialah Perak, Melaka dan Selangor dengan masing-masing sebuah sekolah dijadikan pusat pemindahan," katanya.

Dalam masa sama, beliau turut meminta pihak sekolah mematuhi pekeling prosedur operasi standard

(SOP) 'Payung' yang dikeluarkan Kementerian bagi menangani ancaman banjir selain memberikan kerjasama sepenuhnya kepada agensi berkaitan yang menguruskan mangsa bencana di sekolah masing-masing.

"Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) misalnya membuka bilik gerakan banjir di sekolah-sekolah yang di-

jadikan pusat pemindahan.

"Kita harap sekolah yang mudah ditenggelami air mengambil tindakan menyelamatkan dokumen dan peralatan penting dengan meletakkannya di tempat tinggi," katanya.

Dalam pada itu, beliau yakin banjir tidak akan menjejaskan peperiksaan SPM dan STPM sekiranya SOP itu dipatuhi.